

Universiade: The Speedy Jantan gagal ke separuh akhir

KEPULANGAN semula Khairul Hafiz Jantan ke balaian tidak seperti yang dijangkakan apabila raja pecut negara itu gagal mara ke saingan separuh akhir acara 100 meter pada temasya Sukan Universiti Dunia (Universiade) di Napoli, Itali awal pagi semalam.

Pelari berusia 20 tahun itu hanya mampu mencatatkan masa 10.70 saat (s), jauh daripada catatan masa terbaik dan rekod kebangsaannya iaitu 10.18s untuk menamatkan saingan di tempat keempat pada saringan kedua.

Terkenal dengan gelaran

The Speedy Jantan, pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM) itu sekadar menduduki tempat ke-33 daripada keseluruhan 53 pelari yang mengambil bahagian.

Terdahulu, jurulatihnya, Mohd Poad Md Kassim mensarankan Khairul Hafiz mencatat masa bawah 10.40s dalam usaha pelari kelahiran Merlimau, Melaka itu mempertahankan pingat emas Sukan SEA 2019 di Filipina November depan.

Khairul Hafiz kembali bertanding buat kali pertama pada kejohanan kompetitif selepas berehat tujuh bulan kerana mendapatkan rawatan dan pembentukan fizikal dari Institut

Sukan Negara (ISN) ekoran masalah kecederaan yang dialami.

Sementara itu, seorang lagi pelari pecut negara, Jonathan Nyepa berjaya mara ke separuh akhir selepas mencatatkan 10.47s untuk menduduki tempat keempat dalam saringan pertama.

Terdahulu, dalam acara 400 meter lelaki, Cheah Yau Chung dan Kwong Kar Jun juga gagal mara ke pusingan seterusnya apabila masing-masing hanya mampu mencatatkan masa 48.37s dan 48.89s.



Khairul Hafiz sekadar menduduki tempat ke-33 daripada keseluruhan 53 pelari yang bersaing dalam acara 100m.